



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**23 November 2021**  
**18 Rabiulakhir 1443h**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
<b>Utusan Malaysia</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Atasi segera ancaman,pencerobohan bot pukat tunda (Online)</li></ul>
<b>Berita Harian</b>	
<b>Harian Metro</b>	
<b>Kosmo !</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Pukat tunda ancam rezeki nelayan,negara</li></ul>
<b>Sinar Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Cap gesa maritim segera atasi pencerobohan bot pukat tunda (Online)</li><li>Atasi pencerobohan bot pukat tunda ,makhkamah &amp; jenayah</li></ul>
<b>The Star</b>	
<b>New Straits Time</b>	
<b>Nanyang Siang Pau</b>	
<b>Malaysia Gazette</b>	
<b>Harakah</b>	
<b>Malaysia Dateline</b>	
<b>Bernamea</b>	
<b>See Hua Daily News (Kuching)</b>	
<b>Guan Ming Daily</b>	
<b>Sin Chew Daily</b>	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				

### Atasi segera ancaman, pencerobohan bot pukat tunda



PANGKALAN bot pukat tunda yang didakwa di Teluk Bahang, Pulau Pinang yang mengancam mata pencarian nelayan pantai di kawasan terbabit.

GEORGETOWN: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Jabatan Perikanan dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia)

menyiasat serta mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah pencerobohan bot pukat tunda di kawasan tangkapan nelayan pantai di Pulau Betong, Balik Pulau, di sini.

Aktiviti yang menjejaskan lebih 200 nelayan pantai di kawasan tersebut sudah lama berlaku namun hingga sekarang tidak ada tindakan berkesan yang diambil oleh pihak berkenaan.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader berkata, ancaman oleh bot-bot pukat tunda yang berpangkalan di Batu Maung dan Teluk Bahang menyebabkan sumber pendapatan nelayan pantai di kawasan berkenaan terjejas teruk.

Lebih malang, tambahnya, aktiviti nelayan dari Pulau Pangkor, Perak yang menggunakan lampu berkuasa tinggi turut memberi kesan buruk ke atas hidupan laut di perairan berkenaan.

"Dalam tinjauan kita diberitahu oleh nelayan pantai yang terlibat masalah itu menyebabkan hasil tangkapan mereka merosot mencecah 50 peratus setiap kali turun ke laut.

"Mereka mendakwa bot pukat tunda dan nelayan dari Pulau Pangkor, Perak kerap menjalankan aktiviti pada waktu malam.

"Banyak benih atau anak ikan termasuk yang berkualiti tinggi mati dan musnah dan antara anak ikan yang menjadi mangsa ialah kembung, bawal hitam, jenahak, tenggiri serta anak sotong," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut Mohideen, CAP kesal dan bimbang dengan kejadian itu kerana gagal ditangani pihak berkuasa berkenaan walaupun banyak aduan dibuat oleh nelayan terbabit sejak berpuluh-puluh tahun lalu.

Sehubungan itu, katanya, CAP meminta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyiasat mengapa perkara tersebut boleh berlaku sehingga sekarang.

"Kita percaya jika keadaan itu dibiarkan bukan saja kehidupan nelayan pantai di situ terjejas dengan lebih teruk, malah sumber perikanan negara mungkin mengalami kepupusan pada masa akan datang.

"Ini kerana sebuah bot pukat tunda memerangkap dan memusnahkan lebih 60 peratus anak ikan (benih) di samping mencemarkan laut serta memusnahkan tempat pembiakan ikan," katanya.

Demi menyelamatkan sumber bekalan makanan dan masa depan sektor perikanan tegas beliau, CAP berharap Jabatan Perikanan dan Maritim Malaysia menguatkuasakan Akta Perikanan 1985 dengan berkesan dan menggesa kerajaan mengherankan penggunaan pukat tunda dan lampu berkuasa tinggi (spot light) di negara ini dengan segera. – UTUSAN ONLINE

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU				Online	23/11/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY					
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI					
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL					

### CAP gesa Maritim segera atasi pencerobohan bot pukat tunda



Pangkalan bot pukat tunda di Teluk Bahang.

GEORGETOWN - Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Jabatan Perikanan dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) menyiasat dan mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah pencerobohan bot pukat tunda di kawasan tangkapan nelayan pantai di Pulau Betong, Balik Pulau di sini.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader berkata, aktiviti yang menjajikan kira-kira 200 nelayan pantai di kawasan tersebut telah lama berlaku, namun tiada tindakan berkesan yang diambil oleh pihak berkenaan sehingga kini.

Menurutnya, difahamkan, selain ancaman oleh bot-bot pukat tunda yang berpangkalan di Batu Maung dan Teluk Bahang, aktiviti nelayan dari Pulau Pangkor, Perak yang menggunakan lampu (spot light) berkuasa tinggi turut memberi kesan buruk ke atas kehidupan laut di perairan ini.

"Menerusi tinjauan yang dijalankan, kita dimaklumkan oleh nelayan pantai yang terbelit bahawa masalah itu telah menyebabkan hasil tangkapan mereka merosot sehingga 50 peratus setiap kali turun ke laut.

"Mereka juga mendakwa, bot pukat tunda dan nelayan dari Pulau Pangkor, Perak kerap menjalanakan aktiviti pada waktu malam. Banyak benih atau anak ikan termasuk yang berkualiti tinggi mati dan musnah. Antara anak ikan yang menjadi mangsa ialah ikan kembung, hawal hitam, jenahak, tenggiri dan anak sotong," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Mengulas lanjut, pihaknya kesal dan bimbang terhadap perkara itu terikutan ia dilihat gagal ditangani oleh pihak berkuasa terlibat walau pun telah banyak aduan dibuat oleh nelayan terbelit sejak puluhan tahun lalu.

"CAP meminta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAM) menyiasat punca perkara ini boleh berlaku sehingga sekarang tanpa sebarang tindakan diambil. Kita percaya, jika kawasan ini dibiarkan, bukan saja kehidupan nelayan pantai di sini akan terjejas teruk malah sumber perikanan negara juga mungkin mengalami kepupusan pada masa akan datang.

"Ini kerana, sebuah bot pukat tunda mampu menerangkap dan membunuh lebih 60 peratus anak ikan (benih) selain mencemarkan laut dan memusnahkan tempat pembiakan ikan," katanya.

Tambahnya lagi, demi menyelamatkan sumber bekalan makanan dan masa depan sektor perikanan, CAP berharap Jabatan Perikanan dan Maritim Malaysia menguatkuasakan Akta Perikanan 1985 dengan berkesan dan menggesa kerajaan mengherankan penggunaan pukat tunda dan lampu berkuasa tinggi (spot light) di negara ini dengan segera.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

## CAP dakwa tiada tindakan diambil pihak berkuasa walaupun banyak aduan dibuat

# Pukat tundaancam rezeki nelayan

Oleh SYALMEZI HAMID

GEORGE TOWN - Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menyedekahkan aduan aduan pihak tertentu yang didakwa tidak mengambili tindakan ke atas nelayan yang dibuat sejak bertukar tunda mengenai pencemaran bot pukat tunda di Pulau Pangkor, Teluk Pangkor dekat sini.

Menyebutnya, Mohddeen Abdull Kader berkata, pencemaran bot pukat tunda yang dipercayai dilakukan oleh nelayan Pulau Pangkor. Perak itu telah menyebabkan nelayan tempatan kehilangan hasil tangkapan sebanyak 50 peratus setiap kali ke laut.

Katanya, aktiviti tersebut telah meredakan lebih 200 nelayan pantai di kawasan tersebut yang didakwa telah lama bertukar, namun tiada tindakan sehingga kini.

"CAP mengesah lantikan Perikatan dan Maritim Malaysia melakukan siasatan dan mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah pencemaran bot pukat tunda.

"Ancaman oleh bot-bot pukat tunda yang berpangkalan di Pulau Pangkor dan Teluk Bahang me-



DEKATAN bot pukat tunda yang terdapat di pangkalan Teluk Bahang yang diuruskan oleh nelayan Pulau Pangkor untuk menangkap ikan di Pulau Pangkor.

nyebabkan sumber pendapatan nelayan pantai di kawasan berkenaan terjejas teruk," katanya dalam satu kenyataan.

Tambahnya, bertambah melang apabila nelayan dari Pulau Pangkor menggunakan lampu lompat berkuasa tinggi yang mana ia memberi kesan buruk ke atas kehidupan laut di perairan

berkenaan.

Menurut Mohddeen, nelayan pantai yang terjejas dengan masalah itu membeikahu ia menyebabkan hasil tangkapan mereka merosot merosot 50 peratus setiap kali turun ke laut.

"Mereka mendakwa bot pukat tunda dan nelayan dari Pulau Pangkor menyalakan aktiviti

pada waktu malam.

"Banyak beriti atau anak ikan termasuk yang berjenis ikan gati dan murah. Antara anak ikan yang menjadi mangsa termasuk berbang hawal hitam, anakak, tenggiri dan sotong," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Mohddeen, pihaknya



ANAK ikan yang terperangkap dalam pukat tunda.

berit kerana itu itu masih gagal ditangani pihak berkuasa walaupun banyak aduan dibuat oleh nelayan terjejas sejak berpuluh-puluh tahun lalu.

"Kita percaya jika tindakan itu diambil bukan saja kehidupan nelayan pantai akan terjejas dengan lebih teruk, malah sumber perikanan negara mungkin mengalami kepupusan pada masa akan datang.

"Ini kerana sebuah bot pukat tunda memerangkap dan memarah lebih 50 peratus anak ikan beriti di samping mencacatkan laut dan memusnahkan tempat pembiakan ikan," katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			14	23/11/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL					

# Atasi pencerobohan bot pukat tunda

200 nelayan terjejas, CAP desak Maritim Malaysia bertindak

Oleh SYABARATULHUDA HOSSEIN ROSLI

GEOBGETOWN

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Jabatan Perikanan dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menyalut dan mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah pencerobohan bot pukat tunda di kawasan tangkapan nelayan pantai di Pulau Perang, Balik Pulau di sini.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader mendakwa, aktiviti yang menjepitkan kira-kira 200 nelayan pantai di kawasan tersebut telah lama berlaku, namun tiada tindakan berkesan yang di-



Pangkalan bot pukat tunda di Teluk Bahang.

ambil oleh pihak berkenaan sehingga kini.

Beliau difahamkan, selain ancaman oleh bot-bot pukat tunda yang berpangkalan di Batu Maung dan Teluk Bahang, aktiviti nelayan dari Pulau Perang, Perak yang menggunakan lampu (spot light) berkuasa tinggi turut memberi kesan buruk ke-

atas hidupan laut di perairan tersebut.

"Menerusi tinjauan yang dijalankan, kita dirakamkan oleh nelayan pantai yang terbahat bahawa masalah ini telah menyebabkan hasil tangkapan mereka merosot sehingga 50 peratus setiap kali turun ke laut.

"Mereka juga mendakwa, bot

pukat tunda dan nelayan dari Pulau Perang kerap menjalankan aktiviti pada waktu malam. Banyak benih atau anak ikan termasuk yang berkualiti tinggi mati dan musnah. Antara anak ikan yang menjadi mangsa ialah ikan kembung, harau hitam, jalahak, tenggiri dan anak seteng," katanya dalam satu kenyataan

pada Isnin.

Mengulas lanjut, Mohideen berkata, pukatnya kerosak kerana masalah yang dihadapi oleh para nelayan ini diabaikan dan diabaikan oleh pihak berkuasa terbahat walaupun telah banyak aduan dibuat oleh nelayan terbahat sejak puluhan tahun lalu.

"CAP meminta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyalut punca perkara ini boleh bertakut sehingga sekarang tanpa sebarang tindakan diambil.

"Sebuah bot pukat tunda mampu memancing dan membunuh lebih 60 peratus anak ikan (benih) selain mencemaskan laut dan memusnahkan tempat pembiakan ikan," jelasnya.

Selubungan itu, beliau berharap Jabatan Perikanan dan Maritim Malaysia menguatkusakan Akta Perikanan 1985 dengan berkesan dan menggesa kerajaan mengherankan penggunaan pukat tunda dan lampu berkuasa tinggi di negara ini dengan segera.